

Kemenangan Nurul Izzah isyarat ahli PKR berfikir realistik



Prof Adjung
Institut Pengajian
Borneo, Universiti
Malaysia Sarawak
(UNIMAS)

Oleh Datuk Dr Jayum Anak Jawan
bhrencana@bh.com.my

Pemilihan kepemimpinan Parti Keadilan Rakyat (PKR) bagi penggal 2025-2028 baru sahaja berakhir menandakan satu detik penting dalam sejarah parti itu.

Tumpuan utama diberikan kepada kemenangan Nurul Izzah Anwar sebagai timbalan presiden, bukan sahaja membawa implikasi kepada struktur dalaman PKR, tetapi memberi kesan kepada landskap politik nasional menjelang Pilihan Raya Umum Ke-16 (PRU16).

Kemenangan Nurul Izzah mengatasi penyanggahan jawatan, Datuk Seri Rafizi Ramli, dengan majoriti besar 5,937 undi, satu kemenangan dianggap sebagai *landslide*. Beliau memperoleh 9,803 undi berbanding 3,866 undi dari Rafizi.

Walaupun keputusan ini menunjukkan keyakinan akar umbi terhadap kepemimpinan Nurul Izzah, ia turut mencetuskan persoalan mengenai isu nepotisme dalam parti.

Ini kerana Nurul Izzah adalah anak Presiden PKR yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, manakala ibunya, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail pula mengetuai Majlis Penasihat PKR. Situasi ini mengundang kritikan sesetengah pihak yang melihat kepimpinan tertinggi parti kini didominasi satu keluarga.

Menurut definisi *Kamus Dewan*, nepotisme merujuk perbuatan atau amalan melebihkan sanak saudara dalam urusan rasmi. Walaupun kelayakan Nurul Izzah untuk bertanding tidak dipersoal, malah ramai mengakui beliau pernah berpeluang dan berwibawa, hakikat hubungan kekeluargaan menimbulkan persoalan mengenai keadilan dan ketelusan dalam pemilihan.

Dengan kekalahan Rafizi dalam pemilihan, tumpuan kini beralih kepada kedudukan beliau sebagai Menteri Ekonomi. Se-

➤ Kehadiran

Nurul Izzah dilihat sebagai kesinambungan semula jadi, bukan sekadar kerana pertalian darah, tetapi kerana sokongan besar daripada perwakilan dan sejarah pembabitannya dalam parti sejak awal

panjang tempoh berkempen, beliau menyatakan komitmen untuk meletakkan jawatan sekiranya tidak lagi memegang jawatan dalam parti. Justeru, tekanan kini meningkat supaya beliau menunaikan janji itu atas dasar integriti dan pendirian politik.

Sebagai timbalan presiden sebelum ini, pelantikan beliau ke dalam Kabinet dianggap selari dengan struktur kepimpinan PKR. Dengan perubahan ini, pemerhati politik menjangkakan Anwar bakal memberi laluan kepada Nurul Izzah menyertai Jemaah Menteri.

Meskipun pelantikan Kabinet adalah prerogatif Perdana Menteri, keputusan perwakilan dalam pemilihan parti secara tidak langsung memberi petunjuk kepada hala tuju pelantikan anggota Kabinet akan datang. Rombakan Kabinet tidak dapat dipisahkan.

Keputusan pemilihan turut mendedahkan pola perwakilan etnik dalam barisan kepimpinan tertinggi PKR. Daripada 32 jawatan utama dipertandingan, 22 daripadanya atau 69 peratus dimenangi Melayu Semenanjung, diikuti enam kaum Cina (19 peratus) dan empat dari komuniti India (12 peratus).

Tiada wakil dari Sabah dan Sarawak terpilih secara undian langsung dan kehadiran mereka

dalam Majlis Pimpinan Pusat (MPP) dijangka hanya melalui lantikan presiden.

Cabaran kekal identiti parti pelbagai kaum
Corak ini mencerminkan cabaran PKR untuk mengekalkan identiti sebagai parti berbilang kaum, meskipun asal usul dan perjuangan awal parti sangat menekankan keterangkuman.

Perkembangan terbaharu ini juga memperkuh anggapan PKR masih kuat bergantung kepada legasi Anwar. Parti ini ditubuhkan pada 1999 untuk menuntut keadilan selepas pemecatan dan pemenjaraan Anwar.

Namun, seiring masa, matlamat perjuangan berkembang kepada agenda reformasi, keadilan sosial dan penolakan kronisme serta nepotisme.

Anwar yang bakal mencecah usia 80 tahun menjelang PRU16, mungkin tidak akan memperkukuhkan jawatan presiden disebabkan had penggal ditetapkan parti. Hal ini mencetuskan persoalan mengenai siapa bakal menggantikan beliau dan bagaimana kesinambungan kepemimpinan dapat dijamin.

Walaupun ramai tokoh muda dan berpengalaman lahir dalam parti, sejarah menunjukkan ramai pemimpin kanan sudah meninggalkan Anwar selepas perjuangan reformasi dan keadilan.

Dalam konteks ini, kehadiran Nurul Izzah dilihat sebagai kesinambungan semula jadi, bukan sekadar kerana pertalian darah, tetapi kerana sokongan besar daripada perwakilan dan sejarah pembabitannya dalam parti sejak awal.

Walaupun apa pun persepsi awal, keputusan sudah dibuat ahli. Proses pemilihan berlangsung secara demokratik dan majoriti sudah bersuara. Kini, tumpuan perlu diberi kepada usaha mempersiapkan jentera parti menghadapi PRU16, memperkukuh gabungan Pakatan Harapan (PH) serta memastikan kestabilan dalam Kerajaan Perpaduan.

Dalam kenyataannya pasca kekalahan, Rafizi mengingatkan 'pemimpin datang dan pergi, tetapi perjuangan mesti diteruskan'. Kenyataan ini mencerminkan semangat wajar menjadi pegangan semua ahli PKR dalam menghadapi cabaran mendatang.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH



Perwakilan PKR mendengar ucapan Anwar pada sesi penggugungan sempena Kongres Nasional PKR 2025 di Persada Johor International Convention Centre, Sabtu lalu.

(Foto BERNAMA)